



## Pengishtiharan & Penerimaan Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan)

Sebagai pertimbangan RHB Bank Berhad/RHB Islamic Bank Berhad ("Bank") bersetuju untuk menawarkan Skim Joy@Work (Majikan) ini kepada pekerja yang diambil bekerja oleh saya/kami yang bersetuju untuk mengambil bahagian dalam Skim Joy@Work (Majikan) ini ("Pekerja yang Mengambil Bahagian"), saya/kami dengan ini mengaku dan bersetuju untuk:

### 1. Kelayakan

- 1.1. Saya/Kami bersetuju untuk menerima penyertaan ke Skim Joy @ Work (Majikan) melalui pendaftaran dan terus melanggan perkhidmatan pembayaran gaji Reflex Cash Management untuk perkhidmatan pembayaran gaji untuk mengkreditkan gaji bulanan dan pembayaran berkanun bagi Pekerja yang mengambil Bahagian. Gaji Pekerja yang mengambil Bahagian mesti dikreditkan ke akaun gaji mereka yang diselenggarakan dengan RHB pada tarikh gaji yang telah ditetapkan. Reflex Cash Management fi dan caj seperti di paparkan <https://www.rhbgroup.com/others/service-charges/index.html> dan terma dan syarat Reflex Cash Management boleh diakses di [https://www.rhbgroup.com-/media/Assets/Corporate-Website/Document/Others-TnCs/tc\\_reflex\\_english.pdf](https://www.rhbgroup.com-/media/Assets/Corporate-Website/Document/Others-TnCs/tc_reflex_english.pdf).

### 2. Tanggungjawab/Kewajipan

- 2.1. Pekerja yang diambil bekerja oleh saya/kami berhak mendapat faedah di bawah Skim Joy @ Work (Majikan). Senarai ciri dan keistimewaan boleh dilihat di laman web RHB di <https://joyatwork.rhbgroup.com/joyatwork/home>
- 2.2. Sekiranya Saya/Kami bersetuju untuk membuka akaun gaji menggunakan kaedah "Bulk Account Opening", saya/kami perlu mendapatkan persetujuan Pekerja yang mengambil Bahagian seperti yang dinyatakan dalam PDPA sebelum memberi maklumat pekerja kepada pihak Bank untuk tujuan pembukaan akaun gaji.
- 2.3. Saya/Kami perlu menyediakan sekurang-kurangnya, empat belas (14) hari kalender notis terdahulu kepada pihak Bank sekiranya terdapat pengambilan pekerja baru yang mengambil bahagian.
- 2.4. Saya/Kami perlu menyediakan sekurang-kurangnya, empat belas (14) hari kalender notis terdahulu kepada pihak Bank jika ada pekerja yang ditamatkan perkhidmatan oleh saya/kami (sama ada dengan persaraan, peletakan jawatan atau penamatan pekerjaan untuk sebarang sebab).
- 2.5. Saya/Kami akan mengesyorkan pihak Bank sebagai pilihan yang utama untuk akaun gaji kepada pekerja;
- 2.6. Saya/Kami akan membenarkan pihak Bank untuk mempromosikan kadar keutamaan, rebat dan keistimewaan di bawah "Joy@Work" kepada pekerja yang tidak mengekalkan akaun gaji dengan pihak Bank.



### **3. Penamatian**

- 3.1 Tawaran ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terdahulu secara bertulis bersama sebab pada bila-bila masa kepada pihak yang satu lagi.
- 3.2 Walau apapun Fasal (3.1) di atas, Skim Joy@Work (Majikan) ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa dengan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terdahulu berserta sebab oleh mana-mana pihak kepada yang lain, apabila berlakunya kejadian berikut: -
- a) Sekiranya salah satu pihak gagal dalam mana-mana peruntukan di sini yang tidak dapat dibetulkan atau tidak diperbaiki dalam masa empat belas (14) hari kalendar selepas dikehendaki berbuat demikian oleh pihak yang lain.
  - b) Jika penamatian itu dilakukan atau arahan mana-mana kementerian dibawah Kerajaan Malaysia, oleh Bank Negara Malaysia atau oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan di Malaysia.
- 3.3 Sekiranya saya/kami memutuskan untuk tidak menerima pendaftaran automatik Joy@Work atau tidak setuju untuk meneruskan tawaran, saya/kami akan menghantar e-mel kepada [reflex.support@rhbgroupp.com](mailto:reflex.support@rhbgroupp.com) atau notis bertulis dihantar ke cawangan masing-masing untuk Skim Joy@Work (Majikan) ditamatkan.

### **4. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (“AMLA”)**

Adalah Saya/Kami,

- 4.1 mewakili dan menjamin kepada Bank bahawa: -

- a) Saya/Kami tidak terlibat, dan tidak boleh melibatkan diri, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
- b) Saya/Kami tidak memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan, dan tidak boleh memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
- c) Saya/Kami tidak mengalihkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia, dan tidak boleh mengalihkan atau membawa masuk ke dalam Malaysia hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;

- d) Saya/Kami tidak menyembunyikan, menyamar atau menghalang, dan tidak boleh pada bila-bila masa menyembunyikan, menyamar atau menghalang, pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan, atau pemilikan, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
- e) Saya/ Kami akan pada setiap masa mematuhi Keperluan Peraturan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausus 4.2 di bawah);
- f) Saya/ Kami akan bertanggungjawab sepenuhnya jika didapati melanggar Keperluan Peraturan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausus 4.2 di bawah) yang menyebabkan kesan undang-undang kepada Bank disebabkan oleh tindakan Saya/ Kami; dan
- g) Saya/ Kami memahami bahawa sebarang pelanggaran disebabkan oleh AMLA dan keperluan sekatan adalah tidak boleh dirunding.

Untuk tujuan Klausus ini, berikut adalah definisinya:

"peralatan kesalahan" bermaksud: -

- a) apa-apa benda yang digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan mana-mana aktiviti haram; atau
- b) apa-apa harta yang keseluruhannya atau sebahagiannya digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan mana-mana aktiviti haram,  
sama ada benda atau harta itu terletak di dalam atau di luar Malaysia;

"hasil daripada aktiviti haram" bermaksud mana-mana harta, atau apa-apa kelebihan ekonomi atau keuntungan ekonomi daripada harta itu, di dalam atau di luar Malaysia: -

- a) yang keseluruhan atau sebahagiannya: -
  - i. diperolehi atau didapati, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana orang daripada apa-apa aktiviti haram;
  - ii. diperolehi atau didapati daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta yang disebut dalam subperenggan (i); atau
  - iii. diperoleh dengan menggunakan harta yang diperoleh atau didapati oleh mana-mana orang melalui pelupusan atau urusan lain yang disebut dalam subperenggan (i) atau (ii); atau
- b) yang, keseluruhannya atau sebahagiannya, disebabkan oleh apa-apa hal keadaan seperti sifat, nilai, lokasi atau tempat penemuannya, atau masa, cara atau tempat pemerolehannya, atau orang yang daripadanya harta itu diperoleh, atau perkaitannya dengan harta lain yang disebut dalam subperenggan (a)(i), (ii) atau (iii), boleh dengan

semunasabahnya dipercayai adalah harta yang termasuk dalam ruang lingkup subperenggan (a) (i), (ii) atau (iii);

"**harta**" bermaksud: -

- a) tiap-tiap jenis aset, sama ada yang zahir atau tidak zahir, harta alih atau tak alih, yang ketara atau tidak ketara, walau bagaimanapun diperoleh; atau
- b) dokumen atau surat cara undang-undang dalam sebarang bentuk, termasuk elektronik atau digital, yang membuktikan hakmilik, atau kepentingan mengenai, aset tersebut, termasuk mata wang, kredit bank, deposit dan sumber kewangan yang lain, cek kembara, cek bank, kiriman wang, produk pasaran modal, draf dan surat kredit,

sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia, dan termasuklah kepentingan di sisi undang-undang atau kepentingan ekuiti, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dalam mana-mana harta itu;

"**aktiviti haram**" bermaksud:-

- a) apa-apa aktiviti yang merupakan mana-mana kesalahan berat atau mana-mana kesalahan berat asing; atau
- b) apa-apa aktiviti yang bersifat sedemikian, atau yang berlaku dalam hal keadaan sedemikian, yang aktiviti itu mengakibatkan atau menyebabkan pelakuan mana-mana kesalahan berat atau kesalahan berat asing,

tidak kira sama ada aktiviti itu, keseluruhannya atau sebahagiannya, berlaku di dalam atau di luar Malaysia;

"**kesalahan berat**" bermaksud:-

- a) mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua AMLA;
- b) percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan tersebut; atau
- c) persubahatan mana-mana kesalahan tersebut;

"**transaksi**" termasuklah suatu perkiraan untuk membuka suatu akaun yang melibatkan dua orang atau lebih dan apa-apa transaksi yang berkaitan antara mana-mana orang yang berkenaan itu dengan orang lain

4.2 Saya/Kami mengakui dan bersetuju dengan Bank bahawa:

- a) Bank berkewajiban untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan, arahan, dokumen dasar, garis panduan, petunjuk praktik, sekatan, piawaian dan amalan industri dan keperluan lain yang terpakai termasuk tanpa had Akta Pencegahan Pengubahan Wang

Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, Akta Perdagangan Strategik 2010, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana Bank sebagai institusi kewangan berlesen boleh dari semasa ke semasa di Malaysia tertakluk kepada (secara kolektif, "Keperluan Peraturan");

- b) Bank berhak untuk melakukan atau menahan diri dari melakukan apa-apa tindakan atau perkara, untuk mematuhi Keperluan Peraturan;
- c) jika Bank berpendapat bahawa sebarang kejadian atau keadaan (sama ada berkaitan atau tidak), yang akan menjadikannya tidak sah atau menyalahi undang-undang bagi Bank untuk meluluskan permohonan Skim Joy@Work (Majikan) telah berlaku atau timbul, atau permohonan untuk Skim Joy@Work (Majikan) akan melanggar mana-mana Keperluan Peraturan (secara keseluruhan atau sebahagian), termasuk tanpa had penerimaan Bank bagi sebarang makluman atau padanan nama positif dari semakan berkaitan yang dijalankan ke atas saya/ kami dan mana-mana pihak ketiga yang berkaitan yang terlibat dalam urusniaga asas (termasuk tanpa had vendor / pemaju / penganjur / ejen / pemegang amanah / pembekal yang terlibat dalam penyediaan Perkhidmatan) oleh Bank menurut Keperluan Peraturan, maka, walau apa pun perkara yang bertentangan yang terkandung dalam Skim Joy@Work (Majikan), Bank hendaklah, pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis 21 hari kalender atau tempoh yang lebih singkat yang diperlukan atau dibenarkan sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Keperluan Peraturan, berhak untuk:
  - i. Menggantung Skim Joy@Work (Majikan) dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin perlu untuk mematuhi Keperluan Peraturan; dan/atau
  - ii. membatalkan Skim Joy@Work (Majikan) dan menamatkan hubungan dengan saya/kami, dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin perlu untuk mematuhi Keperluan Peraturan
- d) Jika Skim Joy@Work (Majikan) ini dibatalkan/ ditamatkan oleh pihak Bank menurut pematuhan mereka kepada Keperluan Peraturan: -
  - i. tiada penggunaan atau penggunaan selanjutnya di bawah Skim Joy@Work (Majikan) dibenarkan; dan
  - ii. pihak Bank berhak untuk melaksanakan semua atau mana-mana hak dan remedai yang tersedia untuknya di bawah Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan), undang-undang yang terpakai atau sebaliknya;
- e) Saya/kami akan menyediakan semua dokumen dan maklumat seperti yang dikehendaki oleh pihak Bank (setiap masa sepanjang tempoh hubungan perniagaan) untuk tujuan mematuhi Keperluan Peraturan;



- f) Pihak Bank berhak untuk menghentikan semua perkhidmatan yang akan dilaksanakan dan diterima di bawah Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan) sehingga pemberitahuan selanjutnya (perintah pembatalan) diterima dari agensi penguatkuasaan tersebut atau penghentian perintah (yang mana satu yang terdahulu), atau melainkan ada perintah variasi.

## 5. Umum

- 5.1 Saya/Kami menikmati dan menggunakan manfaat dan keistimewaan Skim Joy@Work (Majikan) akan dianggap menerimaan dan layak terhadap Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan) dan saya/kami bersetuju bahawa keputusan pihak Bank berkaitan dengan setiap aspek kelayakan, tanggungjawab/kewajipan dan penamatan Skim Joy@Work (Majikan) adalah muktamad, terikat dan konklusif.
- 5.2 Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan Perbankan RHB ("yang boleh didapati di [https://www.rhbgroup.com/-/media/Microsites/overview\\_premier/pdf/privacy-notice.pdf](https://www.rhbgroup.com/-/media/Microsites/overview_premier/pdf/privacy-notice.pdf)") dan klausula-klausula di dalam ini, yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi mereka. Untuk mengelakkan keraguan, saya/kami bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap termasuk secara rujukan ke dalam Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan) ini.
- 5.3 Saya/Kami bersetuju bahawa tidak akan mempertanggungjawabkan terhadap pihak Bank dan/atau bertanggungjawab atas keingkaran sehubungan dengan Skim Joy@Work (Majikan) ini kerana tindakan Tuhan, peperangan (sama ada diisyiharkan atau tidak diisyiharkan), mogok, rusuhan, kekecohan awam, dan tindakan pengganas yang tidak berkaitan dengan tindakan, peninggalan, keingkaran, kecuaian dan/atau salah laku pihak Bank dan/ atau mana-mana pekerja wakil dan ejennya.
- 5.4 Pihak Bank berhak, dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender terdahulu berserta sebab untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memadamkan, mengemaskini, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun juga) ("Pindaan") mana-mana Terma & Syarat Skim Joy@Work (Majikan) ini.
- 5.5 Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan) ini, makluman kepada Saya/Kami tentang Pindaan dan semua makluman dan komunikasi oleh RHB berkaitan dengan Skim Joy@Work (Majikan) akan dilaksanakan menurut budi bicara RHB melalui mana-mana satu daripada cara komunikasi berikut:
- Melalui pos berdaftar *acknowledgement of Receipt* (A.R) ke alamat saya/kami yang terakhir dalam rekod pihak Bank;
  - Melalui pos biasa ke alamat saya/kami yang terakhir dalam rekod pihak Bank;
  - Melalui faks, e-mel atau bentuk komunikasi serta-merta yang lain ke nombor hubungan, nombor mudah alih atau alamat e-mel saya/kami yang terakhir diketahui dalam rekod pihak Bank;
  - Dengan memaparkannya di premis Bank, termasuk di premis cawangannya;



- e) Dengan memaparkannya di skrin apabila mengakses laman web pihak Bank di <https://www.rhbgroup.com>.
  - f) Jika dengan iklan, pada tarikh notis itu disiarkan dalam akhbar pilihan pihak Bank.
- 5.6 Melainkan Saya/Kami memberitahu RHB secara bertulis dalam tempoh notis bahawa saya/kami tidak bersetuju dengan Pindaan tersebut, Pindaan berkenaan akan dianggap mengikat saya/kami dari dua puluh satu (21) hari kalender selepas tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh kemudian (selepas tempoh dua puluh satu (21) hari kalender yang ditetapkan) sebagaimana yang boleh ditentukan oleh pihak bank.
- 5.7 Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan) ini boleh dipinda dari semasa ke semasa selaras dengan Fasal 5.4. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan, konflik, kesamaran atau percanggahan antara Terma dan Syarat Skim RHB Joy @ Work (Majikan) ini dan apa-apa brosur, bahan pemasaran atau promosi lain yang berkaitan dengan Skim Joy@Work ( Majikan), Terma dan Syarat Joy @ Work (Majikan) ini akan terpakai.
- 5.8 Masa menjadi asas tetapi kegagalan pihak Bank untuk melaksanakan atau kelewatan untuk melaksanakan atau menguatkuasakan hak, kuasa, keistimewaan atau remedinya terhadap Saya/Kami tidak akan bertindak sebagai pengecualian dan sebarang pelaksanaan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tidak akan memudaratkan atau menjelaskan hak pihak Bank untuk bertindak selaras dengannya selepas itu.
- 5.9 Jika mana-mana Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan) menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuat kuasa, ini tidak akan menjelaskan kesahan atau kebolehkuatkuasaan sebarang Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan) yang lain di dalam ini.
- 5.10 Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan) di dalam ini adalah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia dan perbadanan lain-lain yang berkenaan, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Saya/Kami bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- 5.11 Meskipun apa jua perkara yang terkandung di dalam ini, hak dan kelayakan pihak Bank di bawah Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan) ini akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya selepas sebarang penamatkan atau penggantungan Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan) oleh pihak Bank.
- 5.12 Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan) di dalam ini akan terus sah dan terikat meskipun sebarang percantuman, penggabungan, pemindahan atau penyerahan hak perniagaan, operasi, aset, atau liabiliti phak Bank atau apa-apa perubahan pada pihak Bank atau mana-mana syarikat yang mungkin buat masa itu melaksanakan perniagaan bersama pihak Bank.
- 5.13 Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan) yang dinyatakan di dalam ini adalah sebagai tambahan dan tidak menjelaskan sebarang aturan khusus tentang penggunaan atau manfaat dan keistimewaan yang kini atau selepas ini wujud antara pihak Bank dan saya/kami atau mana-mana Terma dan Syarat yang mungkin ditetapkan dalam apa-apa



surat atau notis yang diberikan oleh pihak Bank kepada saya/kami dari semasa ke semasa.

- 5.14 Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan) di dalam ini akan mengikat waris, wakil persendirian dan pengganti hakmilik pihak Bank dan Saya/Kami masing-masing dan hak dan obligasi saya/kami pada Skim Joy@Work (Majikan) di dalam ini tidak boleh diserah hak atas apa jua sebab.
- 5.15 Terma dan Syarat Skim Joy@Work (Majikan) di dalam ini adalah sebagai tambahan dan tertakluk kepada perjanjian dan/atau peraturan yang mengawal operasi, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan berkaitan dengan dan/atau berbangkit di bawah akaun saya/kami yang dipegang dengan pihak Bank.
- 5.16 Sebarang notis atau dokumen lain dianggap diberikan di bawah atau berkenaan dengan Skim Joy@Work (Majikan) ini jika: -
  - a) Jika melalui pos biasa, pos berdaftar atau perkhidmatan pos laju yang lain, notis atau dokumen lain tersebut telah dialamatkan dan diposkan dengan sewajarnya, kecuali ada bukti bertentangan bahawa notis atau dokumen lain itu sebenarnya tidak dihantar; atau
  - b) Jika melalui perakuan pos, pengakuan dikeluarkan oleh atau di pejabat pos bahawa notis atau dokumen lain telah diposkan dengan sewajarnya, kecuali ada bukti bertentangan bahawa notis atau dokumen lain itu sebenarnya tidak dihantar; atau
  - c) Jika melalui penghantaran faksimili atau teleks atau media elektronik lain (termasuk SMS), tiada mesej ralat penghantaran diterima.
  - d) Dengan memaparkannya di premis pihak Bank, termasuk di premis cawangannya;
  - e) Dengan memaparkannya di skrin apabila mengakses laman web pihak Bank di <https://www.rhbgroup.com>.
  - f) Jika dengan iklan, pada tarikh notis itu disiarkan dalam akhbar pilihan pihak Bank.
- 5.17 Jika konteks membolehkannya, perkataan yang membawa maksud nombor tunggal hendaklah termasuk nombor jamak dan begitu juga sebaliknya, perkataan yang membawa maksud jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter dan begitu juga sebaliknya.
- 5.18 Sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten, konflik, kesamaran atau percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan mana-mana risalah, pemasaran atau bahan promosi lain yang berkaitan dengan Skim Joy@Work (Majikan) ini, Terma dan Syarat ini akan terpakai.
- 5.19 Sekiranya terdapat apa-apa pertanyaan, sila mengunjungi mana-mana cawangan Bank di seluruh negara, atau menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB seperti berikut:

Pengurus  
Kumpulan Perbankan RHB  
Pusat Perkhidmatan Pelanggan  
Tingkat 4, Crystal Plaza, No. 4, Jalan 51a/223, Seksyen 51a,  
41600, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia  
Nombor telefon: 03 9206 8118  
E-mel: [customer.service@rhbgp.com](mailto:customer.service@rhbgp.com)



Sekiranya terdapat perselisihan berkenaan dengan Program, sila rujuk kepada *Ombudsman for Financial Services (OFS)* di 03-2272 2811.

Ketahui lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kami melalui pautan berikut:

- Produk and Perkhidmatan: [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)
- Terma dan Syarat: [www.rhbgroup.com/others/terms-conditions/index.html](http://www.rhbgroup.com/others/terms-conditions/index.html)
- Perbadanan Deposit Insurans Malaysia (PIDM) : [www.pidm.gov.my/my](http://www.pidm.gov.my/my)

-Tamat-